

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, 6 March, 2017 3:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Mohd Rashdan bin Sallehuddin; Hanizaton Bt Hassan
Subject: LAWATAN KERJA DELEGASI UNIVERSITAS JENDERAL SOEDIRMAN KE SBM



Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

6 Mac 2017 | 7 Jamadilakhir 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Dato' Seri/Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan

LAWATAN KERJA DELEGASI UNIVERSITAS JENDERAL SOEDIRMAN KE SBM



SBM ONLINE: Pada 5 Mac 2017 yang lalu, Pusat Pengajian Perniagaan (SBM) UUM telah menerima lawatan dari delegasi Universitas Jenderal Soedirman (UNSOED) yang diketuai oleh Bapak Agung Praptapa (Director of International Program) dan Prasetyo Heru Saptono (Head of Academic Administration) bersama 4 staf akademik. Ketibaan delegasi dari UNSOED telah disambut oleh Dekan SBM, Yang Berusaha Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Timbalan Dekan Prof. Madya Dr. Fais Ahmad beserta dengan Ketua Jabatan dan Penyelaras Program Kolaborasi.

UNSOED adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang terletak di Jawa Tengah Indonesia dan menawarkan pelbagai program dari peringkat Ijazah Pertama hingga Kedoktoran. Pada sesi perbincangan tersebut, delegasi telah diberikan taklimat video korporat UUM dan program yang ditawarkan beserta dengan kemudahan yang disediakan untuk pelajar yang mengikuti pengajian di UUM.

Agenda utama perbincangan adalah berkisar pada peluang kerjasama yang mungkin boleh dimanfaatkan antara UNSOED dan SBM seperti program double degree, student mobility serta pertukaran pensyarah antara UNSOED dan SBM. Disamping itu, perbincangan juga menyentuh peluang lain yang ada iaitu 'matching grant', summer camp' serta 'joint conference' di antara UNSOED dan SBM.

Diharapkan hasil perbincangan dan lawatan ini satu kerjasama yang strategik dapat dimeterai antara UNSOED dan SBM dalam masa yang terdekat disamping dapat merealisasikan kesungguhan SBM untuk mempromosikan bidang kepakaran UUM di peringkat antarabangsa.

=====





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.